

DAUN BETIK PENAWAR SAMPINGAN DEMAM DENGGI

PENULIS - IDRIS AWAB



Tahukah anda jus daun betik dikatakan mujarab sebagai penawar demam denggi. Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah membuat kajian klinikal dan telah membuktikan bahawa jus daun betik boleh digunakan sebagai rawatan sampingan bagi pesakit demam denggi terutamanya

Memandangkan peningkatan kes demam denggi kebelakangan ini terus meningkat dan membimbangkan, cara rawatan sampingan menggunakan jus daun betik adalah salah satu cara yang boleh digunakan oleh pesakit demam denggi sebagai alternatif.

Cara untuk membuat jus adalah seperti berikut:

- Ambil 2 helai daun betik yang matang dan buang tangkai daun, basuh daun dengan air bersih yang mengalir
- Rendamkan dalam bekas berisi air untuk 15 minit
- Bilas daun dengan air bersih sekali lagi
- Tos/keringkan daun untuk menyingkirkan air bilasan

- Potong daun hingga menjadi kepingan kecil
- Kisar atau tumbuk kepingan daun tanpa menambah air sehingga halus
- Tapis untuk asingkan jusnya
- 2 helai daun betik dapat menghasilkan sebanyak 30ml atau 2 sudu besar jus
- Tuangkan jus ke dalam sudu besar
- Minum jus daun betik sebanyak 2 sudu besar

Peringatan

- Amalkan pengambilan jus sekali sehari untuk 3 hari berturut-turut sahaja.
- Digalakkan untuk mendapatkan nasihat doktor sebelum memberikan jus daun betik kepada kanak-kanak berusia 3 tahun ke bawah
- Pengambilan jus daun betik adalah rawatan sampingan dan BUKAN rawatan khas untuk demam denggi.